POLISI BAGI PENERBITAN HARTA INTELEK YANG DIHASILKAN OLEH PELAJAR UNIVERSITI MALAYA

Terma polisi bagi Penerbitan Harta Intelek yang dihasilkan oleh Pelajar Universiti Malaya:-

1. Selain daripada pelajar pascasiswazah, pelajar ijazah dasar juga diminta untuk menandatangani perakuan mengenai penyerahan HI di dalam hasil kerja mereka kepada Universiti. Walau bagaimanapun keperluan ini hanya dihadkan kepada **pelajar tahun akhir sahaja** bagi maksud melindungi HI yang terhasil daripada projek ilmiah tahap akhir yang mereka jalankan;

2. Kuasa untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana pelajar ijazah dasar (tahun akhir) atau pelajar program sarjana yang ingin menerbitkan HI yang telah mereka hasilkan sebagai buku adalah diberikan kepada Ketua PTj masing-masing;

3. Kuasa untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana pelajar program ijazah kedoktoran atau Doktor Falsafah yang ingin menerbitkan HI yang telah mereka hasilkan sebagai buku adalah diberikan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS).

4. Permohonan dan kebenaran bagi maksud penerbitan HI ini hendaklah dibuat secara bertulis;

5. Pelajar yang ingin menerbitkan HI tersebut sebagai buku hendaklah membuat pernyataan bahawa hasil kerja yang diterbitkan itu adalah terhasil daripada projek/tesis/disertasi yang mereka kemukakan kepada Universiti di dalam program pengajian masing-masing;

6. Penggunaan logo Universiti di dalam penerbitan yang berkenaan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran spesifik bagi maksud tersebut;

7. Kebenaran yang diberikan hanyalah terpakai kepada bentuk dan jenis penerbitan yang dinyatakan di dalam permohonan pelajar sahaja. Pelajar tidak boleh menggunakan kebenaran tersebut untuk tujuan lain selain daripada tujuan penerbitan yang dinyatakan di dalam permohonan tersebut;

8. Sekiranya perlu dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat, pembayaran royalty boleh mengikut nisbah berikut:

   Pencipta/Pereka 75%: Universiti 25%